

Konsep No Regret Policy bina pusat pemindahan sementara

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Kerajaan dicadangkan membina dewan khas pusat pemindahan mangsa banjir yang memenuhi segala aspek keperluan seperti keselesaan dan dilengkapi kemudahan supaya boleh digunakan sebagai penempatan sementara mangsa banjir pada masa hadapan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)), **Prof. Datuk Dr. Mazlin Mokhtar** berkata, Malaysia boleh menggunakan konsep *No Regret Policy* seperti yang diamalkan di luar negara bagi memastikan pembinaan dewan khas tersebut boleh digunakan untuk jangka masa panjang.

Menurut beliau, konsep berkenaan memerlukan perancangan rapi serta kepakaran profesional untuk menyediakan kemudahan serta infrastruktur lengkap bagi kegunaan mangsa dan juga orang ramai.

“Pembinaan dewan itu mestilah pada tahap piawaian terbaik dari sudut kualiti dan berteknologi tinggi.

“Jurutera, arkitek dan mangsa banjir perlu bagi membincangkan kemudahan yang diperlukan untuk memberi keselesaan kepada penghuninya. Di samping itu, kajian tentang lokasi dewan dan jaringan perhubungan bagi memudahkan penghantaran bekalan makanan perlu dibuat secara mendalam,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai cadangan kerajaan untuk membina dewan-dewan khas yang berfungsi sebagai pusat pemindahan mangsa banjir bagi menggantikan dewan masyarakat dan sekolah yang digunakan ketika bencana banjir melanda negara baru-baru ini.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), **Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo** berkata, dewan khas yang akan dibina dan dijadikan sebagai pusat pemindahan mangsa banjir perlu dipelbagai-kan fungsi dan peranannya kerana yang disediakan pada masa kini hanyalah sekolah atau dewan yang dijadikan penempatan sementara.

“Infrastruktur dan keadaan di pusat pemindahan berkenaan sempit serta kurang selesa terutama dari segi aspek kebersihan dan kemudahan seperti tandas sedangkan mangsa pemindahan terlalu ramai untuk ditempatkan



Jurutera, arkitek dan mangsa banjir perlu bagi membincangkan kemudahan yang diperlukan untuk memberi keselesaan kepada penghuninya. Di samping itu, kajian tentang lokasi dewan dan jaringan perhubungan bagi memudahkan penghantaran bekalan makanan perlu dibuat secara mendalam”.

MAZLIN MOKHTAR

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Kebangsaan Malaysia

di dalam satu kawasan.

“Begitu juga dengan keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai terutamanya yang masih kecil akan menghadapi kesukaran terutama aspek keselesaan,” katanya.

Sehubungan itu, Ibrahim berkata, bencana yang berlaku kali ini perlu dijadikan asas untuk mengkaji secara menyeluruh bagi mengatasi dan mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh mangsa banjir terutama soal penempatan.

“Beberapa faktor seperti kawasan yang sesuai dan keluasan perlu diambil kira untuk menampung keperluan mangsa,” katanya.